



**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA**

KENYATAAN MEDIA

CUTI PERISTIWA NEGERI JOHOR PADA 13 JULAI 2026

1. Kerajaan Negeri Johor telah mengisytiharkan tarikh 13 Julai 2026 (Isnin) sebagai Cuti Peristiwa Negeri Johor.
2. Pengisytiharan ini dibuat selaras dengan subseksyen 9 (1) Akta Hari Kelepasan 1951 [Akta 369] yang membolehkan pihak berkuasa negeri mengisytiharkan mana-mana hari sebagai hari kelepasan am bagi negeri berkenaan.
3. Hari kelepasan am ini merupakan hari kelepasan am pilihan dan tidak wajib diberikan kepada pekerja sektor swasta. Namun begitu, mana-mana majikan di Johor yang memilih Cuti Peristiwa Negeri Johor sebagai hari kelepasan am, syarikat hendaklah memberikan hari kelepasan am bergaji kepada pekerja pada 13 Julai 2026.
4. Walau bagaimanapun, majikan boleh dengan persetujuan pekerja menggantikan cuti tersebut kepada hari lain sebagaimana peruntukan Seksyen 60D (1A) Akta Kerja 1955.

-TAMAT-

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA
12 JULAI 2026**